

# KEBAJIKAN MAHASISWA TANAH MERAH SENTIASA TERBELA

09 February 2016

- Utusan Online



IKMAL HISHAM ABD. AZIZ ( kiri) menyampaikan sumbangan kepada ahli Permata di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah 1, Tanah Merah, Kelantan, kelmarin.  
UTUSAN/NURAIKHA SHARIPUL BAHARI

TANAH MERAH 8 Feb. – Para mahasiswa kelahiran daerah ini cukup bertuah kerana sentiasa mendapat perhatian dan pembelaan sewajarnya daripada UMNO Bahagian Tanah Merah serta wakil rakyatnya.

Sepanjang tahun ini, UMNO Bahagian Tanah Merah memperuntukkan kira-kira RM1.2 juta untuk membiayai pelbagai aktiviti serta sumbangan khusus untuk Persatuan Mahasiswa Anak Tanah Merah (Permata).

Ketua UMNO bahagian itu, Datuk Ikmal Hisham Abd. Aziz berkata, peruntukan itu merangkumi aktiviti seperti majlis makan malam graduan, program Jom Masuk U, sumbangan awal semester, sumbangan hari raya dan beberapa program lain.

“Setiap tahun kita menyediakan peruntukan khusus kepada Permata kerana kita amat mementingkan aspek pendidikan untuk anak-anak Tanah Merah. Melalui cara ini, mereka berpeluang melaksanakan pelbagai aktiviti bersama,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Awal Semester Permata 2016 bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Panau, di sini semalam.

Dalam majlis itu, lebih 5,000 ahli Permata menerima sumbangan barangan termasuk payung, termos air panas, bekas air dan beg.

Ikmal Hisham yang juga Ahli Parlimen Tanah Merah berkata, pihaknya sentiasa berusaha menyediakan keperluan ahli-ahli Permata khususnya kepada mereka yang berada di Sabah dan Sarawak.

“Sekarang kita sedang mengenalpasti tapak-tapak yang sesuai untuk membina rumah kelab untuk Permata bagi memudahkan ahli-ahli di negeri itu mengadakan sebarang aktiviti mahupun perbincangan bersama.

“Kita akan membina rumah kelab ini berhampiran dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas),” katanya.

Dalam pada itu, Penaung kepada Permata itu berkata, pihaknya juga bercadang untuk membantu anak-anak Tanah Merah yang sedang melanjutkan pengajian di Asia Barat.